

Pertubuhan Muslimin. Bagaimanakah cara ini hendak didapati sesuatu kerjasama – dengan ia sendiri tidak lebih dahulu menghulurkan tangan meminta bekerjasama dengan badan-badan yang boleh dibawa berfikir itu.

Jelasnya bahawa Pertubuhan Muslimin membuat sendiri lalu meminta tiap-tiap badan menyertainya dengan tidak lebih dahulu meminta kerjasama bahkan yang diminta hanya membahas kerta kerja yang dibuat oleh Yang Dipertuanya sahaja, U. Ya‘cob Mohamed Setiausaha Tetap kepada Perdana Menteri Singapura.

Hal ini bertambah lagi apabila kita kaji kertas kerja yang dibuat adalah pada keseluruhannya meminta atau menuntut kepada kerajaan Singapura supaya mengambil persetujuan pegawai-pegawai dan kakitangan Muslimin di jabatan kerajaan, di perusahaan-perusahaan orang Muslimin dan seumpamanya untuk memotong satu peratus daripada gaji-gaji mereka untuk dijadikan *fund* yang bakal digunakan untuk biasiswa, sekolah-sekolah agama dan sekolah-sekolah rakyat. Gaji guru-guru agama dan guru-guru sekolah, masjid dan surau dan dewan Muslimin.

Segala usaha dan hasilnya adalah diserahkan kepada kerajaan dan suatu jawatankuasa dibentuk untuk mentadbirkan supaya terlaksana tujuan-tujuan yang tersebut.

Melihat ini orang-orang pun akan bertanya:

Kalau ini sebagai satu syura untuk dilaksanakan oleh kerajaan mengapa Pertubuhan Muslimin sendiri tidak terus mengemukakannya kepada kerajaan ataupun membawanya kepada Majlis Penasihat Islam supaya dilaksanakan tujuan-tujuan itu?

Di dalam kertas kerja itu, tidak sedikit pun ada rancangan-rancangan yang disebut untuk mencari jalan menyatu paduan pertubuhan-pertubuhan dan umat Islam yang diharap akan dapat menimbulkan kerjasama yang erat di dalam usaha

untuk meninggikan taraf pemeluk-pemeluk Islam. Di dalam hal ini orang-orang kelak akan membuka pula sejarah dan bertanya bagaimanakah usaha-usaha dahulu tentang mengadakan empat serangkai (*Jamiyah*, PERGAS, Muhammadiyyah dan Majlis Islam Penasihat Kerajaan?) apakah ini hanya untuk gembar-gembur sahaja seperti dahulu sedang natijah daripadanya tidak ada? Apakah riwayat gabungan badan-badan itu sesudah mengadakan perjumpaan menentang Qadiyani? Mana dasarnya selain daripada itu? Tidakkah orang lupa bahawa Encik Ya‘kub sendiri pelopornya?

Dengan sebab-sebab itu masih ada orang-orang ragu-ragu atas adanya perkara yang gelojoh, mengadakan suatu muktamar dengan tidak lebih dahulu meminta fikiran, sekurang-kurangnya untuk mencari kerjasama di antara badan-badan itu, sebagai suatu perkara yang boleh menimbulkan syak orang-orang tertentu bertanya-tanya adakah sesuatu tujuan ? untuk ini orang masing-masing menunggu natijah atau akibat apa yang harus terjadi. Kalau baik disyukuri tetapi kalau hanya suatu gembar-gembur sahaja maka kelak akan nampaklah sunam apabila hilang sepuhnya.

\* \* \*

### **Undang-undang Mengenai Hal Ehwal**

#### **Nikah Cerai**

Boleh jadi kerana desakan daripada kaum ibu maka dikhabarkan, Majlis Raja-raja Melayu, akan merundingkan perkara mengenai dengan mengadakan hukum atau peraturan-peraturan yang mengenai hal ehwal nikah cerai. Asas-asasnya adalah seperti yang dijalankan oleh kerajaan Selangor.

Tujuan mengadakan ini adalah tentunya dengan niat hendak memperbaiki keadaan nasib kaum ibu di dalam masyarakat dan mehendaki pula jangan ada perkara-perkara yang

boleh jadi menimbulkan aniaya terhadap kepada kaum yang lemah.

Tujuan-tujuan yang sedemikian ini sebenarnya baik dan harus tidak ada seorang pun yang siuman fikirannya akan menolak rancangan yang baik dan sudah pada tempatnya pula kalau Majlis Raja-raja Melayu memikirkan perkara itu dengan semasak-masaknya supaya terlaksana tujuan-tujuan yang baik yang bertujuan menjauhkan daripada keburukan di dalam masyarakat kaum Muslimin.

Tetapi di dalam pada itu, maka hendaklah majlis itu memikirkan dan menimbangkan serta memerhati dengan saksama bahawa tatkala hendak membuat sesuatu peraturan mestilah lebih dahulu dikaji masak-masak dan jangan sekali-kali ada perkara-perkara yang menyentuh atau mengambil hak-hak seseorang yang telah diberi oleh Tuhan di dalam permasyarakatan berumahtangga itu.

Kita katakan menyentuh atau mengambil hak-hak seseorang yang diberi Tuhan adalah berdasar bahawa Tuhan telah memberi hak-haknya yang tertentu bagi lelaki dan demikian juga bagi perempuan. Umpamanya kalau lelaki diberi hak oleh Tuhan kuasa talak di tangannya maka bagi perempuan diberi Tuhan pula hak khuluk baginya. Hak-hak itu mesti diberikan dan dibebaskan orang-orang yang berhak di atasnya menggunakan hak-hak itu sebab kalau hak itu diambil maka harus akan menjadikan seseorang dengan tidak di sengaja atau terpaksa harus melakukan zina kepada isterinya sendiri yang dihukumkan talak oleh hukum syarak tetapi ditahan oleh peraturan negara.

Kita telah pernah menulis perkara ini tatkala mengulas perkara-perkara mengenai dengan nikah cerai dan berkahwin lebih daripada satu yang dijalankan kuatkuasanya di Selangor dan Singapura. Kita tidak membantah untuk diadakan

peraturan-peraturan yang baik asalkan sahaja peraturan-peraturan itu tidak melanggar peraturan-peraturan agama atau undang-undang agama dan hak-hak yang telah diberi oleh agama sebab jika ini dilanggar samalah melanggar hukum-hukum Islam.

Kerana itu sekiranya Majlis Raja-raja Melayu hendak membuat sesuatu peraturan mengenai perkara yang bersabit dan ada hubungannya dengan hukum syarak maka pada pendapat kita hendaklah Majlis Raja-raja Melayu bukannya sahaja meminta fikiran daripada penasihat-penasihat agama tetapi juga meminta pendapat-pendapat ramai kemudian baharu membuat kesimpulan atau mengadakan peraturan-peraturan untuknya.

Umat Islam harus tidak berkeberatan akan adanya sesuatu peraturan asakan sahaja peraturan itu tidak melanggar peraturan-peraturan syarak – peraturan-peraturan boleh dibuat bagi sesuatu hal yang menguatkan kehendak-kehendak syarak.

Umpamanya syarak, sebagaimana yang disebut di atas memberi hak talak di tangan seorang suami. Kalau seorang suami, hatta dengan bergurau sekalipun, telah melafazkan talak atas isterinya maka menurut syarak gugurlah talak itu, dengan beberapa syaratnya. Tetapi peraturan yang dibuat menegah seseorang melafazkan talak di hadapan kadi dan dipersetujui oleh perempuan (isteri). Ini sudah tentu bertentangan dengan syarak sebab talak yang telah gugur dengan lafaz-lafaz itu tidak boleh lagi ditahan dan pula isteri tidak sekali-kali mesti diminta persetujuannya untuk diceraikan itu. Perkara ini tidak ada di dalam undang-undang hukum kahwin orang Nasrani.

Yang patut dibuat di dalam perkara ini adalah yang berhubung dengan masyarakat sahaja. Kerajaan boleh

membuat sesuatu peraturan bahawa perceraian itu mestilah dipandang sah tetapi bagi pihak suami yang menceraikan isterinya hendaklah dipertanggungjawabkan ke atasnya tanggungan-tanggungan atas perbuatan menceraikan isterinya dengan perbelanjaan isterinya seperti nafkah iddah, nafkah anak yang dipelihara oleh isterinya sehingga anak itu akil baligh dan seumpamanya yang jika tidak dibayar oleh suami mestilah dihukum penjara atau seumpamanya.

Peraturan ini tentulah tidak dibantah dan tentu akan dipersetujui tetapi kalau merampas hak talak yang diberi oleh Tuhan ke atas lelaki daripada tangan lelaki dan talak tidak boleh digugurkan melainkan dengan persetujuan isteri maka ini tentulah tidak akan mendapat keredhaan daripada umat Islam. Jika ini diperundang-undangkan sudah tentu umat Islam memandang bahawa peraturan ini adalah melanggar syarak.

Demikian juga halnya atas kahwin lebih daripada satu yang meminta persetujuan isteri yang pertama seperti yang dijalankan di Selangor dan Singapura itu sudah terang melanggar kelulusan yang diberi oleh syarak dan sudah boleh menghidupkan zina. Sepanjang yang disampaikan telah pernah terjadi, kerana keengganan Jabatan Mahkamah Syariah untuk mengkahwinkan seseorang beristeri kedua, maka ia telah bersatu dengan perempuan yang hendak dikahwininya sehingga hamil – dan kerana terpaksa lalulah mencari kadi di lain negeri untuk menikahkan mereka yang telah bersatu dengan suka sama suka itu.

Persoalan ini kalau dikupas panjang tetapi memadalah kita berharap, dan umat Islam berharap jika Majlis Raja-raja Melayu hendak membuat sesuatu peraturan di dalam perkara ini mestilah perkara itu tidak bertentangan dengan syarak. Sebaliknya sebelum perkara itu

dibuat fikiran ramai, terutama alim ulama yang di luar daripada pegawai-pegawai agama di minta memberi fikiran supaya jangan kelak menjadi tafsir yang boleh menimbulkan tuduhan bahawa kerajaan menjalankan hukum yang berlawanan dengan hukum Islam.

\* \* \*

### **Sebelumnya, Mustahak Dibantah**

Menurut suatu berita yang tersiar baharu-baharu ini kerajaan Pakistan telah membantah dengan keras kepada kerajaan Itali atas ura-ura mereka hendak memilemkan gambar Nabi Muhammad *sallā Allāhu 'alayhi wa sallam*.

Sebagaimana diketahui bahawa agama Islam ditegah menggambar Nabinya dengan berupa gambar sebab kelak akan ditakuti untuk menjadikan persembahan dan seumpamanya sedang Rasulullah *sallā Allāhu 'alayhi wa sallam* itu adalah makhluk Allah, manusia yang hidup, berkehendak kepada hidup seperti manusia lainnya – keutamaan baginda Rasulullah hanyalah kerana dijadikan Rasulullah untuk memberi pertunjuk kepada manusia dan menyampaikan firman Allah, al-Qur'ān, sebagai kitab yang akhir daripada Allah.

Dengan kerana itu maka perbuatan kerajaan Pakistan membantah orang-orang Itali memilemkan filem Nabi Muhammad itu sudah pada tempatnya dan patut dipuji kerana telah mempelopori suatu perkara yang wajib ditegakkan oleh tiap-tiap umat Islam.

Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu, yang agama rasminya, agama Islam patutlah menerbitkan pula bantahan itu, demikian juga pertubuhan-pertubuhan Islam Singapura sepatutnya menuntut kerajaan memberi ingat kepada kerajaan Itali dalam

(sambungan pada muka 21)